

# PERSIDANGAN KEBANGSAAN BENCANA BANJIR

## "REALITI DAN TINDAKAN"

9 & 10 Dis 2014 | Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur

Majlis Penutup Disempurnakan oleh:

SERI DR. SHAHDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERUMPAHAN, TRANSPORT DAN INFRASTRUKTUR



Fasilitator Persidangan Ketua Sub Kluster Kejuteraan Geoinformasi MPN, Prof Dr Mazlan Hashim (kiri) bersama tiga pembentang kertas Persidangan, Prof Dr Mohd Amin (dua dari kiri) Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor; Azman Yahya (tiga dari kiri) dan Timbalan Pengarah Jabatan dan Saliran Pulau Pinang, Md Khuzai Hussain pada **Persidangan Kebangsaan Bencana Banjir 'Realiti dan Tindakan'** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[BERNAMA]

# Kaedah pertanian mapan kurangkan risiko kerugian

Memandangkan banjir tidak dapat dielakkan, tetapi boleh dikawal, mereka yang biasanya terjejas akibat kejadian ini harus belajar untuk hidup dengan situasi ini dan belajar untuk menerimanya.

Apa yang juga perlu dilakukan adalah membuat perubahan paradigma daripada bertahan kepada tindakan yang proaktif selain menseimbangkan risiko banjir, demikian dijelaskan Timbalan Pengarah (Bahagian Pengurusan Banjir) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Bibi Zarina Che Omar.

## Empangan kawalan banjir

Katanya, bagi JPS pelbagai kaedah dilakukan dalam mengawal banjir antaranya empangan kawalan banjir seperti Empangan Batu di Selangor yang mana walaupun ia bukannya penyelesaian terbaik, namun sekurang-kurangnya membantu, juga melakukan pembaikan terhadap sungai bagi mengelakkan ia melimpah dan seterusnya menyebabkan banjir.

JPS katanya, turut membina kolam takungan, namun tidak berupaya melakukan dengan jumlah yang banyak disebabkan

masalah kekurangan tanah terutama di kawasan bandar selain melakukan lencongan sungai serta projek kawalan banjir yang dikenali sebagai *poldering and pump* dan dilaksanakan di Pekan, Pahang.

Bagaimanapun katanya, keputusan untuk melaksanakan projek di Pekan itu sesuatu yang agak sukar dan pihaknya perlu menaruh keyakinan akan keberkesannya.

Sementara itu, dengan banjir

“

**Perubahan iklim memberi kesan kepada sektor pertanian dan sememangnya bila berlaku banjir hasil tanaman berkurangan sebagai contoh pokok kelapa sawit”**

**Dr Mohd Amin Mohd Som,**  
Profesor di Jabatan  
Kejuruteraan Biologi dan  
Pertanian Universiti Putra  
Malaysia

boleh menyebabkan kemusnahan kepada harta benda, masalah ini juga memberi kesan kepada golongan petani terutama dalam kalangan mereka yang mengusahakan tanaman padi dan kelapa sawit.

Justeru, kata Profesor di Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Mohd Amin Mohd Som, kaedah Sistem Intensifikasi Padi (SRI) yang mana padi lebih berdaya tahan terhadap kemarau dan banjir diperkenalkan bagi membantu golongan petani daripada mengalami kerugian akibat tanaman diusahakan musnah.

Ini adalah kaedah yang dikatakan sebagai adaptasi kerana banjir adalah kejadian yang diturunkan Tuhan dan manusia perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan ini dan di Malaysia September hingga Disember dikesan sebagai antara bulan berlakunya banjir, justeru melaksanakan kaedah pertanian mapan mampu mengurangkan risiko kerugian kepada golongan petani, katanya.

## Hasil tanaman berkurang

Katanya, perubahan iklim memberi kesan kepada sektor pertanian dan sememangnya bila berlaku banjir hasil tanaman berkurangan sebagai contoh pokok kelapa sawit, walaupun ia boleh tahan digenangi air sehingga sebulan, namun hasilnya akan berkurangan.

Mengambil contoh tamadun Angkor Wat, katanya penduduk di kawasan itu dapat hidup dengan baik kerana mereka berjaya menguruskan pengairan dengan berkesan, dan melihat kepada keadaan pada masa ini, kawasan takungan banjir dan tanah lapang mulsa (mulch) sudah tidak dapat dimanfaatkan begitu juga dengan kawasan tadahan sementara yang sudah dibangunkan.



Banjir memberi kesan kepada petani yang mengusahakan tanaman kelapa sawit. [GAMBAR HIASAN]